

Kewajaran Golongan Gelandangan Sebagai *al-Riqāb*
*The Justification of the Homeless as *al-Riqāb**

Abdul Mu'ti Idris & Amir Fazlim Jusoh Yusoff ✉

Research Centre for Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

ABSTRAK

Zakat merupakan instrumen keadilan sosial dalam Islam yang berfungsi menjaga kebajikan masyarakat dan membebaskan manusia daripada pelbagai bentuk penindasan. Asnaf *al-riqāb* secara tradisinya merujuk kepada hamba yang ingin dimerdekakan, namun ketiadaan perhambaan fizikal pada masa kini menuntut penelitian semula terhadap tafsiran asnaf tersebut agar selari dengan realiti semasa. Kajian ini bertujuan menghuraikan makna *al-riqāb* menurut pandangan ulama klasik dan kontemporari serta menganalisis kewajaran golongan gelandangan dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan dengan menganalisis sumber primer dan sekunder berkaitan zakat dan asnaf *al-riqāb*. Hasil kajian mendapati bahawa perluasan tafsiran *al-riqāb* oleh ulama kontemporari merangkumi perhambaan moden seperti belunggu kemiskinan, masalah sosial dan kehilangan kebebasan hidup, yang bertepatan dengan realiti kehidupan golongan gelandangan. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa pengiktirafan golongan gelandangan sebagai asnaf *al-riqāb* adalah tidak wajar dan tidak selari dengan *maqāṣid al-syarī'ah* (objektif syarak) dalam usaha memperkasakan pengagihan zakat yang lebih berkesan dan relevan.

KATA KUNCI

Zakat, Asnaf *al-riqāb*, Golongan gelandangan, *Maqāṣid al-Syarī'ah*

ABSTRACT

Zakat is an instrument of social justice in Islam that functions to safeguard societal welfare and to liberate individuals from various forms of oppression. Traditionally, the asnaf al-riqāb refers to slaves seeking emancipation; however, the absence of physical slavery in the contemporary context necessitates a re-examination of its interpretation to ensure relevance to current realities. This study aims to explicate the meaning of al-riqāb from the perspectives of classical (mutaqaddimin) and contemporary (muta'akhhirin) scholars, as well as to analyse the appropriateness of categorising the homeless as asnaf al-riqāb. Employing a qualitative approach through library research and field study, this research analyses primary and secondary sources related to zakat and al-riqāb. The findings indicate that contemporary scholars have expanded the interpretation of al-riqāb to include modern forms of bondage such as poverty, social problems, and loss of personal freedom, which correspond to the lived realities of the homeless. Therefore, this study concludes that recognising the homeless as asnaf al-riqāb is not justified and not consistent with the objectives of Islamic law (maqāṣid al-sharī'ah) in enhancing a more effective and relevant zakat distribution system.

KEYWORDS

Zakat, Asnaf al-riqāb, Homelessness, Maqāṣid al-Sharī'ah

Article History

Received: Jan 5, 2026

Revised: Mei 15, 2026

Accepted: Jun 3, 2026

Published: Jun 15, 2026

✉ Contact

Amir Fazlim Jusoh Yusoff
(Corresponding Author)
amiry@ukm.edu.my

Citation

Abdul Mu'ti Idris & Amir
Fazlim Jusoh Yusoff. 2026.
Kewajaran Golongan
Gelandangan Sebagai *al-Riqāb*.
*Journal of Contemporary
Islamic Law*. 11(1): 121-125

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a
Creative Commons Attribution-
Non-Commercial 4.0
International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Islam merupakan cara hidup syumul yang berpaksikan prinsip persaudaraan dan saling membantu demi menjamin kesejahteraan insan. Kebahagiaaan hakiki dalam Islam bermula dengan pengiktirafan jati diri sebagai hamba Allah SWT, yang seterusnya menuntut pemeliharaan kemuliaan hidup melalui sistem nilai yang mencegah kezaliman dan memupuk sifat hormat-menghormati.

Berbeza dengan perundangan ciptaan manusia, Syariat Islam menyediakan kerangka bersepadu yang menggabungkan akidah yang sahih, akhlak mulia, dan garis panduan hidup yang praktikal. Salah satu instrumen utama dalam sistem ini ialah ibadah zakat. Zakat bukan sekadar kewajipan agama, malah berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk mengimbangi pengagihan kekayaan dan memastikan keadilan ekonomi dalam masyarakat.

Kepentingan zakat ditegaskan melalui pesanan Rasulullah SAW yang memerintahkan agar zakat diambil daripada golongan kaya dan diagihkan kepada golongan fakir (Riwayat al Bukhari & Muslim). Hal ini membuktikan bahawa Islam tidak membiarkan individu berjuang sendirian atau bergantung sepenuhnya kepada ihsan semata-mata. Sebaliknya, Islam menetapkan sistem perundangan yang sistematik untuk menjamin keperluan asas setiap Muslim terpelihara, sekali gus membendung sifat mementingkan diri dan memastikan keadilan sosial terlaksana secara menyeluruh.

TINJAUAN LITERATUR

Perluasan Tafsiran *al-Riqāb*

Perluasan Tafsiran *al-riqāb* Para sarjana Arab kontemporari telah meneruskan lagi kesinambungan ini dengan penulisan yang agak kritis tentang persoalan zakat. Yusuf al-Qaradāwī melalui karyanya *Fiqh al-Zakāh* (al-Qaradāwī 1969) dan Wahbah al-Zuhayli dengan karyanya *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu* (Wahbah al-Zuhayli 2008). telah banyak mengemukakan pandangan dengan hujah yang bernas sesuai dengan keperluan sistem zakat semasa. Namun begitu penulisan mereka tidak sepenuhnya selari dengan persoalan dan realiti di Malaysia.

Di Malaysia, terdapat juga perbincangan berkaitan tafsiran dan konsep *al-riqāb* dari perspektif fiqh oleh para ilmuwan di negara ini. Bermula dengan konsep perhambaan yang dikaji oleh Abd Wahid (Abd Wahid 2006) menerusi kajian tesisnya. Kajian beliau telah menerangkan konsep hamba dengan berbagai istilah dan salah satunya adalah *al-riqāb*. Perbincangan yang agak terperinci ini juga menjelaskan hak-hak hamba abdi, tumpuan nas al-

Quran dalam membebaskan hamba abdi serta hamba abdi moden. Kajian ini telah memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji terutamanya dari sudut menyempitkan ruang perhambaan dan dasar al Quran terhadap amalan perhambaan.

Kajian semasa tentang perluasan tafsiran *al-riqāb* diteruskan lagi oleh Zulkifli Mohamed al-Bakri. (Zulkifli Mohamed al-Bakri 2012). Di dalam kajiannya, beliau telah menyatakan pendiriannya bahawa dalam soal membebaskan tebusan Islam boleh dikategorikan dalam asnaf *al-riqāb* selaras dengan keperluan semasa yang mendesak. Ini juga berdasarkan pandangan Imam Ahmad yang mengharuskannya dengan alasan memuliakan dan meninggikan imej Islam sama keadaannya dengan memberikan zakat kepada golongan muallaf. Beliau juga memberi contoh perhambaan masa kini seperti orang Islam yang terperangkap di dalam aktiviti pelacuran. Di samping itu, wujud juga golongan yang diperhambakan oleh pemberi hutang. Walaupun sudah ada bahagian zakat al-ghārimīn, namun penguasaan seorang pemiutang kepada seorang penghutang seolah-olah menjadikannya seperti hamba. Beliau turut menegaskan dalam zaman moden ini, pentafsiran *al-riqāb* perlu dibuka kepada pendapat yang lebih luas.

Pengagihan Zakat Terhadap Asnaf *al-Riqāb*

Penelitian terhadap aspek pengagihan zakat sangat membantu pengkaji dalam kajian asnaf *al-riqāb* ini. Penulisan yang dilakukan oleh Abdul Monir Yaacob bertajuk *Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat* (Abdul Monir Yaacob 2000) telah menjelaskan tujuan agihan zakat dari aspek maqāsid syarī'ah iaitu memberi masalah kepada negara dan pihak-pihak yang ditentukan. Dalam hal ini, masyarakat tidak lagi dibelenggu oleh aliran tertentu mazhab tetapi yang menjadi asas pertimbangan ialah masalah tercapai bagi umat Islam dan menolak kemudaratan daripada berlaku. Selain daripada memberikan garis panduan agama dalam pengagihan dana zakat, penulisan ini juga turut membuat tafsiran bagi setiap asnaf termasuk *al-riqāb*. Seterusnya penulisan yang bertajuk *Pengurusan Zakat* (Mahmood Zuhdi Abd. Majid 2003) turut mencakupi pentafsiran asnaf selain daripada menjelaskan aspek agihan zakat yang menguatkan sumber rujukan serta membahaskan nilai serta realiti semasa yang boleh diambil sebagai metodologi penentuan hukum Islam agar lebih bersesuaian dengan keadaan semasa.

Penulisan seterusnya yang bertajuk *Cadangan Bantuan Zakat Asnaf al-Riqāb Dan Fī Sabilillah Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian di Penjara Wanita*

Kajang, Selangor (Hairunnizam Wahid et.al. 2009) cuba mengenengahkan cadangan bantuan modal zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam memulihkan sikap bekas banduan setelah keluar daripada penjara serta bantuan zakat melalui program latihan vokasional di penjara. Kajian ini cuba merungkai dan melihat sejauh mana keberkesanan program latihan vokasional yang dijalankan oleh pihak penjara terhadap perubahan sikap banduan supaya menjadi warga yang lebih berguna dan produktif.

Penulisan berikutnya iaitu Kedudukan Asnaf *al-Riqāb* Sebagai Penerima Zakat di Malaysia (Azman Ab Rahman et. al. 2016) adalah lebih padat apabila dimulakan dengan aspek sejarah dan sistem penghambaan dalam Islam serta penghambaan moden. Penulisan ini juga dilakukan bagi melihat golongan-golongan lain yang mungkin boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-riqāb* dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya khususnya dari segi bantuan dan kaedah pemberian zakat kepada golongan ini sekiranya mereka layak menerima agihan. Walaupun penulisan ini menyatakan keberkesanan agihan yang telah dilakukan dari hukum syarak namun tidak dilakukan secara terperinci.

Selain itu, penulisan yang bertajuk Kedudukan Asnaf *al-Riqāb* Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya di Negeri Perak (Azman Ab Rahman & Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin 2016) telah mencadangkan kaedah agihan dengan menubuhkan sebuah Pusat Pembangunan Asnaf bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan asnaf ini. Kaedah agihan yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada konsep al-takhallus yang diutarakan oleh Mahmud Syaltut iaitu meliputi konsep membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulihkan asnaf *al-riqāb*. Penulisan ini juga turut menyatakan bahawa inovasi dalam pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-riqāb* merupakan satu langkah yang bijak dan proaktif dalam menyelesaikan kemelut yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam sekarang.

Seiring dengan kajian ini juga satu kajian mengenai cadangan peruntukan asnaf kepada golongan gelandangan telah dilakukan. Kajian yang bertajuk Golongan Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf *Ibn al-Sabil* dan *al-Riqāb* (Muhammad Ammar Harith dan Mohd Anuar Ramli 2017) ini memfokuskan terhadap konsep gelandangan dan pentafsiran asnaf yang relevan dengan situasi yang mereka lalui. Hal yang demikian kerana antara permasalahan fiqh yang timbul bagi golongan ini adalah dari sudut penentuan asnaf zakat. Golongan ini dilihat mempunyai beberapa persamaan dengan tafsiran asnaf-asnaf zakat seperti fakir miskin, ibnu sabil dan *al-riqāb*.

Analisis kajian adalah lebih cenderung untuk meletakkan mereka dalam tafsiran asnaf ibnu sabil

dan *al-riqāb* kerana mereka boleh dibantu dalam dua jangka masa, iaitu sementara dan jangka pendek. Bantuan jangka sementara boleh diletakkan di bawah asnaf ibnu sabil yang dikaitkan dengan keadaan gelandangan yang tidak mempunyai sumber kewangan yang stabil untuk menyara kehidupan mereka dan hidup di jalanan. Manakala bantuan jangka pendek diletakkan di bawah asnaf *al-riqāb* yang dikaitkan dengan gelandangan yang dibelenggu pemikiran dan kekangan kewangan. Hasil kajian mendapati kategori asnaf *al-riqāb* dilihat bersesuaian dengan tujuan asal pemberian iaitu untuk mengeluarkan seseorang itu daripada belenggu pemikiran yang mengikat diri mereka. Ini kerana pemulihan pemikiran dan mental individu memerlukan tempoh masa dan perlu dilakukan secara berperingkat. Justeru, ia tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang sementara berbeza dengan zakat ke atas ibnu sabil.

Selain daripada kedudukan penagih dadah dan gelandangan yang dibincangkan sebagai penerima zakat asnaf *al-riqāb* di Malaysia, golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) juga turut dikaji dalam penentuan penerima zakat. Kajian terkini adalah bertajuk Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Al-riqab Di Malaysia. (Azman Ab Rahman 2018). Perbincangan mengenai kelayakan dan kedudukan OKU sebagai penerima zakat boleh dilihat dalam konteks asnaf *al-riqāb*. Penentuan sama ada mereka berhak menerima zakat bergantung kepada penerimaan pemerintah dalam memperluaskan definisi asnaf *al-riqāb*. Oleh itu kajian ini telah menilai kedudukan OKU sebagai asnaf zakat dan mengenalpasti kriteria-kriteria OKU yang boleh dimasukkan sebagai asnaf *al-riqāb*. Dalam konteks kajian ini, didapati bahawa terdapat OKU yang dibelenggu dengan kekurangan fizikal dan mental yang sesungguhnya menghadapi pelbagai kesukaran dalam menjalani kehidupan seharian. Sekiranya mereka layak menerima zakat berdasarkan 'illah (alasan hukum) terbelenggu dengan keterbatasan fizikal dan mental, sudah pasti ia akan mengangkat lebih tinggi martabat zakat dan Islam. Justeru, kajian mendapati bahawa OKU layak menerima zakat tetapi mestilah berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan. Perkara ini penting kerana ia merupakan satu ijtihad yang perlu mengambil kira semua aspek sebelum sesuatu ketetapan hukum ditentukan.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memastikan kajian ini mencapai objektif yang telah digariskan, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi dua kaedah utama dalam proses pengumpulan data. Kaedah pertama

melibatkan penyelidikan perpustakaan secara intensif bagi mendapatkan data data bersifat teoretikal. Melalui kaedah ini, pengkaji meneliti bahan-bahan rujukan primer dan sekunder seperti kitab-kitab turath, buku ilmiah, jurnal, kertas kerja, serta dokumen fatwa yang berkaitan dengan hukum zakat dan asnaf *al-riqāb*. Langkah ini penting bagi membina asas kefahaman yang kukuh mengenai evolusi tafsiran *al-riqāb* daripada pandangan ulama terdahulu sehingga kini.

Selain rujukan perpustakaan, kajian ini turut diperkukuhkan dengan kaedah empirikal melalui kajian lapangan bagi memperoleh data yang lebih praktikal dan terkini. Menerusi kaedah ini, pengkaji menjalankan pemerhatian atau interaksi secara langsung terhadap realiti kehidupan golongan gelandangan serta meninjau mekanisme pengurusan zakat oleh pihak berkuasa agama. Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan data yang diperoleh bersifat komprehensif, di mana teori yang digali daripada kitab-kitab dapat dianalisis secara kritis dengan situasi sebenar yang berlaku di lapangan bagi menentukan kewajaran gelandangan sebagai asnaf *al-riqāb*.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Kerangka teori kajian yang disusun dalam bentuk carta kotak, bermula dengan prinsip pensyariatian zakat, diikuti tafsiran asnaf *al-riqāb* menurut ulama klasik dan kontemporari, seterusnya diaplikasikan kepada realiti sosial golongan gelandangan bagi menilai kewajaran mereka sebagai penerima zakat di bawah kategori asnaf *al-riqāb*.

Kajian ini dibina berasaskan kerangka teori yang menggabungkan konsep zakat dalam Islam, tafsiran asnaf *al-riqāb*, dan realiti sosial golongan gelandangan dalam konteks semasa. Kerangka ini bertujuan menjelaskan hubungan antara prinsip syariah dan keperluan sosial moden dalam menilai kewajaran golongan gelandangan sebagai asnaf *al-riqāb*.

Asas kerangka teori ini ialah pensyariatian zakat sebagai instrumen keadilan sosial yang bukan sahaja berfungsi sebagai ibadah, malah berperanan menjaga kebajikan masyarakat, mengurangkan ketidaksamaan ekonomi, serta membebaskan manusia daripada penindasan. Prinsip ini selari dengan *maqāsid al-syarī'ah* yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam konteks asnaf *al-riqāb*, kajian ini berpandukan tafsiran ulama klasik dan kontemporari. Ulama klasik mentafsirkan *al-riqāb* sebagai hamba yang ingin dimerdekakan, manakala ulama kontemporari memperluaskan tafsiran tersebut kepada bentuk perhambaan moden, seperti belunggu

kemiskinan, masalah sosial, penindasan ekonomi dan kehilangan kebebasan hidup.

Perluasan tafsiran ini diaplikasikan kepada golongan gelandangan, yang dilihat terperangkap dalam keadaan hidup tidak stabil, kekurangan keperluan asas dan keterbatasan kebebasan sosial serta ekonomi. Keadaan ini selari dengan konsep “belunggu” yang menjadi asas kepada kategori *al-riqāb* menurut sebahagian ulama kontemporari.

Secara keseluruhannya, kerangka teori kajian ini menghubungkan tiga elemen utama, iaitu prinsip zakat dan *maqāsid al-syarī'ah*, tafsiran asnaf *al-riqāb*, dan realiti kehidupan golongan gelandangan, bagi menilai secara ilmiah dan berasaskan syarak kewajaran pengiktirafan mereka sebagai asnaf *al-riqāb* dalam pengagihan zakat masa kini.

PERBINCANGAN

Hasil perbincangan dalam bab ini menegaskan bahawa penetapan status asnaf bagi golongan gelandangan tidak boleh dilakukan secara umum atau sekadar bersandarkan kepada simpati semata-mata. Walaupun terdapat pandangan daripada tokoh-tokoh ulama kontemporari seperti Rashīd Ridā yang cuba meluaskan skop *al-riqāb* kepada aspek pembebasan umat daripada penjajahan atau belunggu sosial, namun bagi kes gelandangan, hujah tersebut dilihat kurang kukuh untuk diaplikasikan secara menyeluruh. Ini kerana gelandangan secara perundangannya adalah individu merdeka (*al-ahrār*) yang mempunyai hak sivil sepenuhnya, dan situasi mereka lebih tepat digambarkan sebagai krisis ekonomi dan sosial berbanding isu perhambaan fizikal.

Penulis berpendirian bahawa tindakan memasukkan gelandangan ke dalam asnaf *al-riqāb* adalah satu bentuk analogi yang kurang tepat (*qiyās ma'a al-fāriq*). Dari sudut pengurusan zakat yang lebih efisien dan telus, golongan ini selayaknya dibantu di bawah asnaf fakir atau miskin kerana kriteria tersebut sangat bertepatan dengan punca utama mereka berada di jalanan, iaitu ketiadaan modal harta dan pendapatan untuk memenuhi keperluan asas. Dengan mengekalkan sempadan definisi asnaf yang jelas, kita bukan sahaja menjaga keaslian istilah syarak daripada dimanipulasi mengikut keadaan, malah memastikan hak-hak asnaf fakir yang lain tidak terjejas. Kesimpulannya, pengurusan zakat terhadap gelandangan haruslah berpaksikan kepada kajian kes individu yang mendalam, di mana bantuan disalurkan berdasarkan kategori asnaf yang paling dominan dalam hidup mereka, demi mencapai keadilan sosial yang menjadi matlamat utama syariat Islam.

KESIMPULAN

Perbincangan ini menghuraikan asas kajian mengenai kewajaran golongan gelandangan sebagai asnaf *al-*

riqāb dalam konteks zakat. Islam menekankan prinsip keadilan sosial dan tolong menolong melalui penyariatan zakat bagi menjamin kebajikan masyarakat. Kajian ini meneliti semula tafsiran *al-riqāb* berasaskan pandangan ulama klasik dan kontemporari bagi menilai kesesuaian golongan gelandangan dalam kategori tersebut.

Melalui pendekatan kajian kepustakaan, analisis kandungan dan sejarah, pengkaji menelusuri perkembangan konsep *al-riqāb* daripada perhambaan tradisional kepada bentuk pembebasan moden. Kajian ini diharapkan dapat memperkukuh kefahaman terhadap peranan zakat serta menyumbang kepada penambahbaikan dasar pengurusan zakat agar lebih relevan dengan keperluan masyarakat masa kini.

RUJUKAN

- Al-Qaradāwī, Yūsuf. 1969. *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Irshād.
- Wahbah al-Zuhaylī. 2008. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Cet. ke-6. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Abd Wahid. 2006. Hamba Abdi Menurut Al-Quran: Kajian Tafsir Maudui. Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia." Kertas kerja Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, Universiti Malaya.
- Azman Ab Rahman et al. 2016. *Kedudukan Asnaf al-riqāb sebagai Penerima Zakat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azman Ab Rahman & Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin. 2016. *Kedudukan Asnaf al-riqāb dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya di Negeri Perak*. Dalam Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat, disunting oleh Razali Md Jani et al. Kuala Lumpur: PPZ.
- Muhammad Ammar Harith & Mohd Anuar Ramli. 2017. "Golongan Gelandangan di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu al-Sabil dan al-riqāb" Dalam Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam. Shah Alam: UiTM.
- Zulkifli Mohamed al-Bakri. 2012. *Al-riqāb: Tafsiran Aplikasi Semasa dari Sudut Syarak*. Jurnal Pengurusan JAWHAR, 6(2).
- Abdul Monir Yaacob. 2000. *Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam, Dewan Besar IKIM, 8–9 Februari.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ab Rahman. 2018. "Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai Asnaf al-Riqab di Malaysia" Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 12(1).